

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

Bil.	Jawatan	Kelayakan
1.	<p>Pengarah Eksekutif (Institut Farmaseutikal & Nutraseutikal Malaysia)</p> <p>Taraf Jawatan - Kontrak Pakej gaji yang menarik. Elaun Kereta & Petrol juga disediakan.</p>	<p>Deskripsi Tugas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membantu Ketua Pegawai Eksekutif di dalam pelbagai tanggungjawab yang ditetapkan termasuk rancangan perniagaan, kewangan, sumber manusia dan pentadbiran. 2. Menerajui perkembangan penyelidikan dan pembangunan (R & D) di dalam bidang bioteknologi. 3. Merancang, mengenalpasti dan mengutamakan projek-projek, menyelaras pemilihan projek dan mendapatkan kakitangan dan sumber kewangan yang perlu bagi memastikan kejayaan. 4. Memastikan pembangunan yang berterusan dan menyelenggara fasiliti fizikal dan penyelidikan dan perkhidmatan teknikal di Institut. 5. Mewujudkan kerjasama dalam aktiviti R&D dengan para saintis yang berpengalaman atau organisasi penyelidikan di dalam dan luar negara. 6. Menyediakan perancangan yang menyeluruh bagi mendapatkan sumber kewangan untuk R & D termasuk geran.

		<p>Kelayakan dan pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Warganegara Malaysia;2. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang yang berkaitan adalah satu kelebihan; dan3. Mempunyai tidak kurang dari 15 tahun pengalaman dalam melaksanakan penyelidikan.
--	--	--

Calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, serta salinan sijil-sijil berkaitan kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5687
Emel : recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan: **16 Mei 2019**